

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JRW 344 – Pengiklanan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

**SOALAN 1 [20 markah]**

Televisyen dan radio merupakan antara kelas media konvensional yang popular bagi pengiklanan pada hari ini. Organisasi media televisyen dan radio perlu mengukur audiens mereka demi mendapatkan maklumat yang tepat mengenai penonton atau pendengar media mereka dari semasa ke semasa.

- (a) Terangkan **EMPAT (4)** kaedah pengukuran audiens untuk setiap kelas media di atas.  
(16 markah)
- (b) Apakah masa depan bagi setiap kelas media di atas?  
(4 markah)

**SOALAN 2 [20 markah]**

Media sosial merupakan medium terbaharu bagi pengiklanan dan pembinaan jenama.

- (a) Terangkan **TIGA (3)** peranan utama media sosial dalam pengiklanan dan promosi jenama bersepadu.  
(6 markah)
- (b) Apakah kelebihan dan kelemahan media sosial?  
(10 markah)
- (c) Huraikan satu contoh produk atau perkhidmatan yang berjaya dalam pengiklanan melalui media sosial.  
(4 markah)

**SOALAN 3 [20 markah]**

- (a) Terangkan **EMPAT (4)** teknik promosi jualan yang digunakan dalam pasaran pengguna dan berikan sebab-sebab penggunaan setiap teknik tersebut.  
(12 markah)

- (b) Bayangkan anda sebagai seorang pengeluar yang ingin membangunkan sesuatu jenama produk atau perkhidmatan yang baharu. Terangkan cara penggunaan setiap teknik promosi jualan yang telah anda terangkan dalam menyasari sesuatu pasaran pengguna.

(8 markah)

**SOALAN 4 [20 markah]**

- (a) Apakah maksud penempatan produk?

(2 markah)

- (b) Jelaskan perkara yang perlu dipertimbangkan oleh pengiklan yang memanfaatkan penempatan produk bagi produk atau perkhidmatan mereka.

(8 markah)

- (c) Apakah media yang dipilih untuk penempatan produk? Berikan beberapa contoh penempatan produk yang pernah anda temui berdasarkan media yang anda pilih.

(10 markah)

**SOALAN 5 [20 markah]**

Pilih **EMPAT (4)** slogan di bawah. Lakukan analisis ke atas slogan-slogan yang telah anda pilih berdasarkan audiens sasaran, objektif strategi mesej dan kaedah strategi mesej.

- (a) *Let's build a smarter planet* (IBM)
- (b) *Just do it!* (Nike)
- (c) *The power of dreams* (Honda)
- (d) *Leap Ahead* (Intel)
- (e) *Now Everyone Can Fly* (AirAsia)
- (f) *Good Food. Good Life* (Nestle)
- (g) *We Lead* (Universiti Sains Malaysia)

(20 markah)